

DATE: 26/01/2008

# ASEAN di ambang transformasi besar – Abdullah

DAVOS 25 Jan. – ASEAN dengan piagam baru kini berada di ambang transformasi besar yang membolehkan pakatan serantau itu menghadapi cabaran globalisasi dengan jayanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, faktor itu akan meletakkan ASEAN sebagai sebuah kumpulan yang menguruskan khususnya hal ehwal wilayah serta merebut peluang-peluang yang ada.

“Peranan utama ASEAN itu mustahak bukan sahaja untuk memastikan kestabilan dan kemakmuran berterusan di rantau Asia Tenggara tetapi juga keamanan dan keselamatan di Asia Timur,” katanya dalam pernyataan pada sidang pleno yang mengupas Kebangkitan Komuniti Asia pada hari ketiga mesyuarat tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini.

Pernyataan beliau berkisar kepada peranan ASEAN dalam kebangkitan komuniti Asia.

Dua lagi ahli panel ialah rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien-Loong dan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo. Ia dipengerusikan oleh Pengerusi Kumpulan HSBC Holdings UK, Stephen Green.

Sementara itu Abdullah berkata, ASEAN perlu meningkatkan dialog dengan kuasa-kuasa ekonomi global khususnya ASEAN+3 yang melibatkan China, Jepun dan Korea.

Hubungan strategik seperti itu bukan sahaja membantu proses integrasi wilayah di Asia Tenggara malahan mendekatkan negara-negara anggota ASEAN kepada pemain-pemain utama di Asia Timur.

“Malahan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 di Kuala Lumpur pada 2005 menggariskan bahawa proses ASEAN+3 akan

UUM - 26/1/2008  
menjadi saluran utama ke arah mencapai matlamat jangka panjang pembentukan Komuniti Asia Timur, dengan ASEAN kekal sebagai kuasa penggerak bagi menjayakan matlamat itu,” katanya.

Katanya, perkara itu ditegaskan lagi pada Kenyataan Bersama ke-2 mengenai Kerjasama Asia Timur bagi 10 tahun akan datang, satu lagi dokumen penting yang diterima pakai pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-13 di Singapura.

Perdana Menteri turut menjelaskan bahawa idea pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) Asia Timur dicadangkan oleh China, Jepun dan Korea (tiga negara yang melengkapkan ASEAN+3) sebagai matlamat jangka panjang.

“Ia perlu dilaksanakan secara pragmatik dan sistematik, secara berperingkat, bagi mengelakkan masalah,” kata beliau sambil

memberi contoh bahawa ASEAN perlu terlebih dahulu menyelesaikan pelbagai FTA ASEAN+1 dengan tiga negara ‘campur 3’ tersebut.

Malaysia, kata Abdullah, sentiasa berpandangan bahawa proses ASEAN+3 merupakan tugas ke arah pembentukan Komuniti Asia Timur manakala Sidang Kemuncak Asia Timur pula mempunyai peranannya sendiri dalam memupuk kerjasama di Asia Timur yang turut melibatkan negara dari rantau lain seperti India, Australia dan New Zealand.

“Sidang Kemuncak Asia Timur adalah forum bagi dialog strategik di kalangan pemain-pemain wilayah berhubung perkara-perkara berkepentingan bersama, yang menjadi keperluan ke arah keamanan dan kestabilan di Asia Timur pada masa depan.

– Utusan